

# 11 resolusi Konvensyen Melayu Glokal

UM-20/2/2006

KUALA TERENGGANU 19 Feb. - Konvensyen Melayu Glokal (KMG) yang berakhir hari ini mengeluarkan 11 resolusi, antara lain menggariskan keperluan orang Melayu meningkatkan daya saing termasuk dalam bidang ekonomi.

Semua resolusi itu diumumkan oleh pengerusi KMG, Dr. Azmi Omar yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Development Institute (TDI).

Resolusi itu kemudian diserahkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh yang menutup konvensyen dua hari tersebut, petang ini.

Resolusi itu ialah:

- Menyokong strategi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dalam membentuk kejayaan Melayu Glokal melalui wawasan, usaha, keupayaan dan sikap.
- Perlunya rangkaian kerja orang Melayu dipertingkatkan.
- Sistem pendidikan semua peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi perlu disemak dengan menerapkan konsep kesepaduan ilmu dalam kursus diajar yang menggunakan pendekatan lebih relevan, sesuai dengan keadaan semasa.
- Melayu Glokal harus menjadi milik semua orang Melayu baik di kota mahu pun desa, kaya atau miskin.
- Kementerian Pelajaran hendaklah memberi tumpuan lebih kepada sekolah-sekolah luar bandar yang ketinggalan dalam banyak aspek.
- Melayu Glokal memerlukan pelajar-pelajar dilengkapi kemahiran berbahasa dan berkomunikasi yang tinggi.
- Ekonomi Melayu Glokal boleh diwujudkan melalui tiga dimensi iaitu ekonomi tempatan kepada global, memaksimumkan kekuatan serta mewujudkan model insan Melayu.
- Perlunya kepada hubungan kemesraan antara ulama dan umara, juga umat dengan menggunakan konsep addin sebagai nasihat.
- Transformasi budaya memerlukan perancangan strategik dan berhemah agar ia membawa kebaikan kepada semua.
- Gerakan transformasi budaya perlu digarapkan melalui penulisan/media masa, sistem pendidikan dan badan-badan sukarela termasuk badan bahasa dan sastera serta parti politik.
- Jati diri orang Melayu mesti bertunjangan raja, agama dan bahasa.